

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EZETROL
2. Bagaimana EZETROL berfungsi
3. Sebelum mengguna EZETROL
4. Cara menggunakan EZETROL
5. Semasa menggunakan EZETROL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EZETROL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Bacalah maklumat ini dengan teliti sebelum anda mula memakan ubat anda, walaupun anda baru sahaja memenuhi semula preskripsi anda. Mungkin ada maklumat yang telah diubah. Anda juga harus membaca maklumat yang disediakan dengan ubat-ubat lain yang sedang anda makan.

Ingatlah bahawa doktor telah menyediakan preskripsi ubat ini hanya untuk anda. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain.

Apakah kegunaan EZETROL

EZETROL (*ezetimibe*) ialah tablet yang mengandungi 10 mg *ezetimibe* sebagai bahan aktif.

- EZETROL ialah ubat rendah kolesterol.
- EZETROL merawat aras kolesterol yang terlalu tinggi pada pesakit apabila pemakanan sahaja tidak dapat menurunkan aras tersebut dengan memadai.
- EZETROL menurunkan aras jumlah kolesterol,

kolesterol LDL (tidak baik) dan trigliserida yang terlalu tinggi, dan juga meningkatkan kolesterol HDL (baik).

- EZETROL boleh dimakan sendiri ataupun dengan ubat rendah kolesterol yang lain yang digelar *statin*, di samping mengawal pemakanan.
- EZETROL boleh dimakan bersama dengan *fenofibrate*, iaitu sejenis ubat rendah kolesterol yang lain, di samping mengawal pemakanan.
- Bagi pesakit jantung, EZETROL yang digabungkan dengan ubat rendah kolesterol bergelar *statin* dapat mengurangkan risiko berlakunya serangan jantung, strok, pembedahan untuk melancarkan aliran darah di jantung, atau memasuki ke hospital kerana sakit dada

Jika anda menghidap *sitosterolemia*, doktor mempreskripsikan EZETROL untuk menurunkan aras sterol tumbuhan di dalam darah anda.

Sitosterolemia adalah penyakit keturunan yang meningkatkan aras sterol tumbuhan di dalam darah anda.

Bagaimanakah EZETROL berfungsi?

- EZETROL bertindak dengan mengurangkan penyerapan kolesterol di dalam usus kecil. *Statin* dan *fenofibrate* mengurangkan kolesterol dengan cara yang berbeza, iaitu ubat-ubat ini bertindak di dalam hati.

- EZETROL menambahkan kesan penurunan kolesterol yang ada pada *statin* dan *fenofibrate*.

Mengapakah doktor mempreskripsikan EZETROL?

Doktor telah mempreskripsikan EZETROL untuk mengurangkan jumlah kolesterol dan trigliserida di dalam darah anda. Kolesterol adalah salah satu bahan berlemak yang terdapat di dalam darah. Jumlah kolesterol terdiri terutamanya daripada kolesterol LDL dan kolesterol HDL.

Kolesterol LDL sering digelar kolesterol “jahat” kerana kolesterol ini boleh bertimbun pada dinding salur darah arteri dan menjadi plak. Lama kelamaan, timbunan plak ini boleh menyempitkan arteri. Arteri yang sempit boleh memperlahankan ataupun menghalang aliran darah ke organ-organ penting seperti jantung dan otak. Aliran darah yang tersekat pula boleh mengakibatkan serangan jantung atau strok.

Kolesterol HDL pula sering digelar kolesterol “baik” kerana kolesterol ini dapat menghalang kolesterol jahat daripada bertimbun pada arteri dan mencegah penyakit jantung.

Trigliserida ialah bentuk lain kolesterol di dalam darah yang boleh meningkatkan risiko mendapat penyakit jantung.

Bagaimanakah kolesterol tinggi dirawat?

Kolesterol yang tinggi boleh dirawat dengan dua cara utama:

Perubahan Gaya Hidup – seperti pemakanan yang rendah kolesterol, lebih banyak gerak

kerja jasmani, dan pengurusan berat badan.

Ubat – Ubat rendah kolesterol digunakan bersama dengan perubahan gaya hidup untuk mengurangkan kolesterol. Doktor telah mempreskripsikan EZETROL untuk membantu menurunkan kolesterol anda.

Sebelum mengguna EZETROL

Penting bahawa anda terus memakan EZETROL setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor.

Walaupun anda memang sedang memakan ubat untuk merawat masalah kolesterol tinggi, penting bahawa aras kolesterol anda diperiksa secara tetap. Anda juga harus tahu aras kolesterol anda dan sasaran anda.

Penggunaan oleh warga emas
Tiada langkah berwaspada khas.

Penggunaan oleh kanak-kanak
EZETROL tidak disarankan bagi kanak-kanak bawah usia 10 tahun.

Bila tidak boleh mengambil
Pesakit yang hipersensitif (alah) terhadap EZETROL atau terhadap mana-mana ramuannya tidak boleh memakan EZETROL.

Sebelum mula mengambil
Beritahu doktor anda tentang:

Kehamilan: Jika anda hamil atau bercadang untuk menjadi hamil, EZETROL mungkin tidak sesuai bagi anda.

Menyusukan anak dengan susu badan: Jika anda menyusukan anak dengan susu badan, EZETROL boleh dirembes ke

dalam susu anda dan diminum oleh bayi anda.

Masalah perubatan atau alergi:
Bincanglah tentang masalah perubatan (seperti penyakit hati atau masalah pada hati) atau alergi yang sedang atau yang pernah anda hidapi.

Jika mengambil ubat-ubat lain
Anda mestilah memberitahu doktor tentang semua ubat yang anda makan atau yang anda bercadang hendak makan, termasuklah ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan ber kandungan mana-mana bahan-bahan aktif yang berikut:

- *Ciclosporin* (sering digunakan dalam pesakit pemindahan organ)
- ubat-ubatan ber kandungan bahan aktif untuk mengelakkan pembekuan darah, seperti *warfarin* atau *fluindione* (antikoagulan)
- *cholestyramine* (juga digunakan untuk mengurangkan kolesterol), kerana ia menjejaskan cara EZETROL berfungsi
- *fibrates* (juga digunakan untuk mengurangkan kolesterol)

Cara menggunakan EZETROL

Berapa banyak harus digunakan

Makan satu biji tablet 10 mg setiap hari, pada bila-bila masa.

Bila perlu digunakan

- EZETROL boleh dimakan bersama-sama ataupun tanpa makanan.
- Doktor mungkin mengarahkan anda memakan EZETROL

bersama dengan ubat-ubat lain, iaitu *statin* ataupun *fenofibrate*, supaya kolesterol anda dapat dikawal dengan lebih baik.

- Jika anda memakan *statin* atau *fenofibrate*, EZETROL boleh dimakan pada waktu yang sama seperti ubat tersebut.
- Jika doktor mempreskripsikan EZETROL bersama dengan *cholestyramine* (sejenis sekuestran asid hempedu) atau mana-mana sekuestran asid hempedu yang lain, EZETROL mestilah dimakan sekurang-kurangnya 2 jam sebelum atau 4 jam selepas memakan sekuestran asid hempedu tersebut.

Berapa lama perlu digunakan
Teruskan memakan ubat rendah kolesterol anda melainkan diarahkan oleh doktor untuk berhenti.

Jika terlupa mengambil
Cuba makan EZETROL seperti yang dipreskripsikan. Walau bagaimanapun, jika anda tertinggal satu dos, teruskan sahaja mengikut jadual seperti biasa, iaitu sekali sehari.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Makanlah EZETROL seperti yang diarahkan bagi anda. Jika anda termakan jumlah EZETROL yang melebihi preskripsi, hubungilah doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan EZETROL

Perkara yang perlu dilakukan

- EZETROL mestilah dimakan seperti yang diarahkan oleh pengamal

perubatan yang menjaga anda.

- Maklumkan tentang ubat-ubat lain yang sedang diambil atau merancang untuk mengambil. Ini termasuk ubat-ubat yang diambil tanpa preskripsi.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil EZETROL jika anda hipersensitif (alahan) terhadap EZETROL atau mana-mana ramuannya.
- Jangan berkongsi EZETROL dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Bolehkah saya memandu atau mengendalikan jentera apabila saya sedang memakan EZETROL?

Kesan sampingan pernah dilaporkan berlaku apabila memakan EZETROL, yang mungkin menjejaskan kemampuan anda memandu atau mengendalikan jentera. Tindak balas setiap orang terhadap EZETROL mungkin berbeza. (Bacalah bahagian “**Kesan-kesan sampingan**”)

Kesan-kesan sampingan

Dalam kajian klinikal, EZETROL pada amnya dapat diterima dengan baik. Kesan sampingannya biasanya ringan malah mempunyai kekerapan dan jenis kesan yang serupa dalam kalangan pesakit yang diberi plasebo (pil yang tidak mengandungi ubat). Kesan sampingan pada amnya tidak

menyebabkan pesakit berhenti memakan EZETROL.

Apabila dimakan dengan sendiri, kesan sampingan yang berikut dilaporkan berlaku:

Lazim berlaku: sakit pada bahagian perut; cirit-birit; angin; rasa penat.

Tidak lazim berlaku: peningkatan pada hasil beberapa ujian fungsi hati (*transaminase*) atau fungsi otot (CK); batuk; senak; pedih hulu hati; loya; sengal; spasma otot; sakit leher; kurang selera makan, sakit, sakit dada, merah muka; tekanan darah yang tinggi.

Selain itu, apabila dimakan dengan *statin*, kesan sampingan yang berikut dilaporkan berlaku:

Lazim berlaku: peningkatan pada hasil beberapa ujian fungsi hati (*transaminases*); sakit kepala; sakit otot, otot terasa sakit apabila disentuh atau lemah lemah.

Tidak lazim berlaku: rasa gelenyar; mulut kering; gatal-gatal; ruam; urtikaria; sakit belakang; lemah otot; sakit pada lengan dan betis; penat atau lesu yang luar biasa; bengkak, terutamanya pada tangan dan kaki.

Apabila dimakan dengan *fenofibrate*, kesan sampingan yang berikut dilaporkan berlaku:

Lazim berlaku: sakit pada bahagian perut.

Selain itu, kesan sampingan yang berikut pernah dilaporkan apabila digunakan secara umum: tindak balas alergi (yang mungkin memerlukan rawatan segera) termasuklah bengkak pada muka, bibir, lidah, dan/atau tekak yang boleh menyebabkan

kesukaran bernafas atau menelan, ruam, dan urtikaria; masalah kulit yang teruk; sakit otot; rasa penat atau lemah yang luar biasa; perubahan pada hasil sesetengah ujian darah; masalah hati; radang pankreas; sembelit; pening; rasa gelenyar; kemurungan; batu hempedu; dan radang pundi hempedu

Hubungilah doktor dengan segera jika anda mengalami sakit otot, otot yang terasa sakit apabila disentuh, atau lemah otot tanpa sebab yang diketahui apabila memakan EZETROL.

Ini kerana walaupun jarang-jarang sekali berlaku, namun masalah otot boleh menjadi serius, seperti penguraian otot yang mengakibatkan kerosakan ginjal.

Bincanglah dengan doktor pada bila-bila masa anda mengalami masalah perubatan yang anda rasa mungkin berkait dengan EZETROL.

Jika anda diberi EZETROL bersama *statin*, pengamal perubatan yang menjaga anda itu mungkin akan melakukan ujian darah yang rutin untuk memeriksa fungsi hati anda sebelum dan selepas memulakan rawatan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Bagaimanakah boleh saya ketahui lebih lanjut tentang EZETROL dan penyakit saya?

EZETROL®

Ezetimibe (10mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Anda boleh mendapatkan maklumat selanjutnya daripada doktor anda atau ahli farmasi.

Cara penyimpanan dan pelupusan EZETROL

Penyimpanan

Jangan simpan EZETROL pada suhu melebihi 30°C (86°F). Simpan di dalam bungkusannya yang asal.

Simpan EZETROL dan semua ubat dengan selamat jauh daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh yang ditunjukkan selepas EX (atau EXP) yang tertulis pada bungkusannya.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk kapsul yang berwarna putih hingga putih kekuningan dan bertanda.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: *Ezetimibe*

Bahan-bahan tidak aktif:
Croscarmellose sodium, lactose monohydrate, magnesium stearate, microcrystalline cellulose, povidone and sodium laurilsulfate.

Nombor MAL

MAL20034627ACRZ

Pengilang:

MSD International GmbH
(Singapore Branch)
70 Tuas West Drive,
Singapore 628414,
Singapore.

Pemegang Pendaftaran

Produk:

Organon Malaysia Sdn. Bhd.
3A-08-02, Level 8,
Corporate Tower 3A,
Pavilion Damansara Heights,
No. 3, Jalan Damansara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/10/2025 (versi 062023)

Nombor Siri

NPRA (R1/4) 23072024/137